



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 4, Issue 3, June 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocsciences.com

Hubungan Antara Gaya Pembelajaran dengan Amalan Kemahiran Pemikiran Sejarah: Satu Kajian Tinjauan Korelasi

M. Kaviza¹

¹Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Correspondence: M. Kaviza (kavizakaviza@yahoo.com)

Abstrak

Kajian berbentuk tinjauan secara korelasi ini bertujuan untuk menentukan sama ada terdapat hubungan antara gaya pembelajaran murid dengan amalan kemahiran sejarah. Seramai 865 orang murid Tingkatan Dua di sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia yang dipilih melalui teknik persampelan rawak mudah merupakan sampel kajian ini. Instrumen kajian ini merupakan soal selidik *Index of Learning Style* dan soal selidik amalan kemahiran pemikiran sejarah yang telah diadaptasi, disahkan kesahannya oleh pakar penilai serta mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik. Data kajian ini dianalisis secara inferensi iaitu ujian korelasi *Pearson* dengan menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics*. Dapatan kajian ini mendapati bahawa terdapat hubungan linear positif yang tinggi yang signifikan iaitu antara dimensi gaya visual-verbal dan dimensi gaya aktif-reflektif dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan linear positif yang sederhana tinggi yang signifikan bagi dimensi gaya kepekaan-intuisi dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah. Tambahan pula dapatan kajian ini juga telah menunjukkan bahawa terdapat hubungan linear positif yang rendah yang signifikan bagi dimensi gaya sequential-global dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah. Justeru, kajian ini telah mencadangkan bahawa guru-guru sejarah perlu merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan memfokuskan gaya pembelajaran dan amalan kemahiran pemikiran sejarah kerana didapati saling mempengaruhi antara satu sama lain dalam proses pembelajaran sejarah yang lebih bermakna.

Kata kunci: gaya pembelajaran, amalan kemahiran pemikiran sejarah, murid tingkatan dua

The Relationship Between Learning Style and Their Historical Thinking Skills Practices: A Correlation Survey Study

Abstract

The correlation survey study aimed to determine whether there is relationship between learning style of students and their historical thinking skills practices. A total of 865 form two students from a state of north peninsular Malaysia through random simple sampling techniques are involved as sample in this study. The adapted *Index Learning Style* and historical thinking skills practices which has validated by the expert and has a good reliability value are research instruments in this study. The data of this study was analyzed inferentially through *Pearson Correlation test* using *IBM SPSS Statistics*. The findings indicated that there is a significant positive high linear relationship between visual-verbal and active-reflective style dimensions and historical thinking skills practices. In addition, the findings also showed that there is a significant positive moderate high linear relationship between sensing-intuitive style

dimensions with historical thinking skills. However, the sequential-global style dimensions and historical thinking skills practices have a significant positive low linear relationship in this study. The implications of this study suggested that the history teachers need to plan a strategic teaching and learning activities by focusing on students learning styles and historical thinking skills practices which are interconnected in line to create the meaningful history learning process.

Keywords: learning style, historical thinking skills practices, form two students

Pengenalan

Oleh kerana Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah menjelaskan matlamat pendidikan di Malaysia merupakan suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembang lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (PPK, 2016), maka proses transformasi pendidikan yang dilaksanakan bagi memperkasakan lagi bidang pendidikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM, 2013) agar setanding pada peringkat antarabangsa memerlukan penambahbaikan dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang selari antara gaya pembelajaran dan kemahiran berfikir bagi menghasilkan peluang pembelajaran yang produktif dalam kalangan murid (Izhab Ismail & Muhamad Zaid Ismail, 2018; Khairul Ghufuran Kaspin, Mansor Mohd Noor & Mohd Mahzan Awang, 2018). Hal ini kerana gaya pembelajaran yang dirujuk sebagai kepelbagaian cara belajar dan cara berfikir telah membolehkan seseorang individu untuk belajar dengan lebih baik bagi memperoleh kemahiran-kemahiran tertentu melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian di dalam kelas (Suppiah Nachiappan, Kamarulzaman Kamaruddin, Abdul Aziz Abdul Shukur, Ramlah Jantan, Roslinda Mustapha & Hazalifah Hamzah, 2009).

Latar Belakang Kajian

Adalah diakui bahawa pendidikan sejarah kini lebih berfokuskan kepada kemahiran pemikiran sejarah yang membolehkan murid-murid berpeluang untuk melibatkan diri dengan idea, kecerdasan dan keupayaan minda untuk mengumpul dan mengeneralisasikan sesuatu maklumat dengan mengaitkan pengalaman sedia dan membentuk maklumat baru bagi menyelesaikan sesuatu masalah, isu atau perkara (King, 2008). Namun begitu, dalam konteks pendidikan sejarah di negara Malaysia, mata pelajaran sejarah sebagai mata pelajaran wajib lulus pada peringkat menengah atas telah menimbulkan pelbagai reaksi dari segi strategi dan cadangan terhadap pelaksanaan mata pelajaran tersebut dengan lebih berkesan bagi meningkatkan kemahiran pemikiran sejarah yang merupakan salah satu cabaran yang dihadapi dalam kalangan murid-murid (Wineburg, 2001; Sarmila Tamoh Deram & Abdul Razaq Ahmad, 2017). Hal ini kerana murid-murid berprestasi rendah berpendapat bahawa mereka tidak mampu melibatkan diri dengan proses pemikiran sejarah yang baik seperti yang diamalkan oleh murid-murid berprestasi tinggi yang telah menimbulkan satu tanggapan yang negatif. Pendapat ini adalah konsisten dengan kajian tinjauan yang dijalankan oleh Kaviza, (2019) yang telah mendapati bahawa tahap amalan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid berprestasi tinggi adalah lebih tinggi berbanding dengan murid berprestasi rendah yang telah menyimpulkan bahawa murid-murid percaya bahawa penerapan elemen kemahiran berfikir merupakan suatu perkara yang amat sukar dan mereka tidak berupaya dan mampu menguasainya dengan lebih baik.

Tambahan pula, dalam kajian yang dijalankan oleh Ling, Mona Masood dan Siti Hawa Abdullah, (2016) telah mendapati bahawa murid gaya sequential dan global yang mempamerkan kefahaman penaaakulan yang sama telah menimbulkan satu jurang perbezaan yang tidak seimbang berdasarkan perbezaan kepelbagaian ciri-ciri murid terhadap pemerolehan kemahiran berfikir dalam mata pelajaran sejarah. Hal ini kerana amalan dan aplikasi gaya pembelajaran yang betul dapat memberikan impak positif kepada reka bentuk kurikulum, kesediaan murid serta amalan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, di samping didapati dapat mempengaruhi perkembangan kemahiran dan kompetensi intelek, maklumat verbal, strategi kognitif, kemahiran psikomotor dan sikap dalam kalangan murid

(Bransford, Brown & Cocking, 1999; Gagne, 1985). Sehubungan dengan itu, gaya pembelajaran bermaksud bagaimana seseorang menerima dan memproses maklumat dalam pelbagai cara yang berbeza-beza dengan menentukan sejauh manakah seseorang itu belajar dan memperoleh pengalaman pembelajaran yang ditetapkan malah melibatkan tingkah laku bagaimana seseorang individu memberikan perhatian untuk memahami suatu maklumat atau menguasai suatu kemahiran yang baharu (Suppiah Nachiappan et al, 2009). Secara umumnya, terdapat empat dimensi gaya pembelajaran yang utama iaitu dimensi input (gaya visual-verbal), dimensi pemrosesan (gaya aktif dan reflektif), dimensi pengamatan (gaya kepekaan-intuisi) dan dimensi kefahaman (gaya sequential-global) yang diamalkan oleh murid-murid dalam konteks pengajaran dan pembelajaran secara formal di dalam kelas (Felder & Soloman, 1997). Justeru, murid-murid perlu dibantu untuk mengenalpasti cara pembelajaran mereka agar penyesuaian kaedah pengajaran dan pembelajaran dapat dilakukan bagi membolehkan mereka dapat menguasai kemahiran berfikir tersebut.

Pernyataan Masalah

Penerapan amalan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid merupakan suatu cabaran yang besar yang sering diutarakan oleh guru-guru sejarah pada semua peringkat pendidikan sejarah sama ada di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah (Muhamad Yazid Khalil, 2018; Sharifah NorPuteh, Nooreiny Maarof & Elisabeth Tak, 2010; Renuka Ramakrishnan, Norizan Esa & Siti Hawa Abdullah, 2014). Hal ini kerana kemahiran pemikiran sejarah merupakan proses berfikir yang melibatkan aktiviti mengumpul, membaca dan menganalisis bahan bukti bagi membina pemahaman sendiri terhadap sesuatu peristiwa sejarah atau tokoh sejarah yang membolehkan murid-murid sentiasa bersikap terbuka dan kritis terhadap pentafsiran sejarah dengan meneroka maklumat-maklumat baru (Wineburg, 2001; Siti Hawa Abdullah, 2009). Sungguhpun begitu, tahap kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid dilaporkan masih berada pada tahap sederhana dalam kalangan murid Tingkatan Empat yang berprestasi tinggi dan rendah (Kaviza, 2019) walaupun kemahiran ini perlu diterapkan secara berterusan dari sekolah rendah ke sekolah menengah seperti digariskan dalam kurikulum sejarah yang melibatkan lima jenis kemahiran seperti kemahiran memahami kronologi, kemahiran meneroka bukti, kemahiran membuat interpretasi, kemahiran membuat imaginasi dan kemahiran membuat rasionalisasi (PPK, 2003, 2016). Murid-murid didapati tidak dapat meningkatkan kemahiran berfikir dengan lebih baik disebabkan oleh mereka gagal untuk menyesuaikan diri dengan proses pembelajaran berdasarkan gaya pembelajaran yang betul dan sesuai yang wujud dalam diri mereka (Keffe, 1987; Felder & Silverman, 1988). Pendapat ini adalah selari dengan pendapat Ramlah Jantan, (2006) dan Yusfazila Yusof dan Effandi Zakaria, (2018) yang telah menjelaskan bahawa murid-murid perlu mengetahui gaya pembelajaran mereka terlebih dahulu bagi memastikan mereka dapat mengatur strategi pembelajaran tertentu untuk meningkatkan proses kognitif kerana ianya didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik mereka. Hal ini kerana kajian-kajian lepas dalam bidang pendidikan sejarah iaitu kajian Rully Putri Nirmala Puji dan Abdul Razaq Ahmad, (2015) telah memfokuskan gaya pembelajaran dan kemahiran pemikiran bagi guru pelatih, manakala kajian Ling et al, (2016) pula memfokuskan kefahaman penaakulan bagi murid gaya sequential dan global sahaja telah mencadangkan terdapat suatu keperluan kajian lanjutan untuk mengenal pasti sama ada gaya pembelajaran murid dan kemahiran pemikiran sejarah mempunyai hubungan yang signifikan atau tidak. Oleh kerana setiap murid mempunyai kecenderungan gaya pembelajaran yang berbeza-beza, maka dalam kajian ini pengkaji telah menentukan hubungan gaya pembelajaran berdasarkan empat dimensi utama yang melibatkan lapan jenis gaya pembelajaran yang dominan yang dapat dikenal pasti dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas bagi mendapatkan suatu gambaran yang menyeluruh.

Objektif Kajian

Objektif kajian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengetahui hubungan antara gaya pembelajaran visual dan verbal dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksinya

- ii. Mengenal pasti hubungan antara gaya pembelajaran aktif dan reflektif dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksinya
- iii. Mengenal pasti hubungan antara gaya pembelajaran kepekaan dan intuisi dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksinya
- iv. Mengenal pasti hubungan antara gaya pembelajaran sequential dan global dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksinya

Soalan Kajian

Soalan kajian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Adakah terdapat hubungan gaya pembelajaran visual dan verbal dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksinya?
- ii. Adakah terdapat hubungan gaya pembelajaran aktif dan reflektif dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksinya?
- iii. Adakah terdapat hubungan gaya pembelajaran kepekaan dan intuisi dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksinya?
- iv. Adakah terdapat hubungan gaya pembelajaran sequential dan global dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksinya?

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan yang melibatkan seramai 865 orang murid Tingkatan Dua di sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia yang telah dijadikan sampel dalam kajian ini melalui teknik persampelan rawak mudah. Jumlah sampel kajian ini adalah melebihi saiz minima sampel berdasarkan jadual penentuan saiz sampel seperti yang diberikan oleh Krejcie dan Morgan, (1970). Terdapat dua instrumen dalam kajian ini iaitu soal selidik *Index of Learning Style* (Felder & Soloman, 1997) dan soal selidik kemahiran pemikiran sejarah yang telah diadaptasi bagi tujuan kajian ini. Kedua-dua instrumen kajian tersebut telah melalui proses kesahan pakar penilai dalam bidang sejarah yang berpengalaman luas. Nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alfa* bagi soal selidik *Index of Learning Style* adalah 0.80 dan soal selidik kemahiran pemikiran sejarah pula adalah 0.95 yang dianggap baik (Nunnally, 1978). Data statistik inferensi iaitu ujian korelasi *Pearson* dalam kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian pengaturcaraan *IBM SPSS Statistics*. Interpretasi kekuatan korelasi dilakukan berdasarkan kajian Davies, (1971) pada Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Kekuatan Korelasi

Skor Min	Tahap
0.70 – 1.00	Amat tinggi
0.50 - 0.69	Tinggi
0.30 – 0.49	Sederhana tinggi
0.10 - 0.29	Rendah
0.00-0.09	Diabaikan

Sumber: Adaptasi daripada Davies, (1971)

Dapatan Kajian

Hubungan gaya pembelajaran visual dan verbal dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksinya

Bagi menjawab objektif dan soalan kajian 1, maka hipotesis nul (H_{01}) berikut dibentuk:

H₀₁: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya pembelajaran visual dan verbal dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah

H_{01a}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya pembelajaran visual dan verbal dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah

H_{01b}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya pembelajaran visual dan verbal dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah

H_{01c}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya pembelajaran visual dan verbal dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah

H_{01d}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya pembelajaran visual dan verbal dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah

H_{01e}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya pembelajaran visual dan verbal dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah

Berdasarkan Jadual 2, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara gaya pembelajaran visual dan verbal [$r=0.60, p=0.00$] dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah adalah signifikan iaitu hubungan linear yang positif yang tinggi. Maka, H₀₁ berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara gaya pembelajaran visual dan verbal dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya gaya pembelajaran visual dan verbal adalah tinggi, maka amalan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid juga adalah tinggi.

Jadual 2: Korelasi gaya pembelajaran (visual dan verbal) dengan kemahiran pemikiran sejarah

		Kemahiran pemikiran sejarah
Gaya Pembelajaran (visual verbal)	<i>Pearson Correlation / Sig N</i>	0.60* 0.00 865

*Correlation is significant at the 0.05 level

Dari segi konstruk-konstruk kemahiran pemikiran sejarah:

Kemahiran memahami kronologi

Berdasarkan Jadual 3, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara gaya pembelajaran visual dan verbal [$r=0.51, p=0.00$] dengan amalan kemahiran memahami kronologi adalah signifikan iaitu hubungan linear yang positif yang tinggi. Maka, H_{01a} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara gaya pembelajaran visual dan verbal dengan amalan kemahiran memahami kronologi dalam kalangan murid.

Kemahiran meneroka bukti

Berdasarkan Jadual 3, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara gaya pembelajaran visual dan verbal [$r=0.48, p=0.00$] dengan amalan kemahiran meneroka bukti adalah signifikan iaitu hubungan linear yang positif yang sederhana tinggi. Maka, H_{01b} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara gaya pembelajaran visual dan verbal dengan amalan kemahiran meneroka bukti dalam kalangan murid.

Kemahiran membuat interpretasi

Berdasarkan Jadual 3, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara gaya pembelajaran visual dan verbal [$r=0.54$, $p=0.00$] dengan amalan kemahiran membuat interpretasi adalah signifikan iaitu hubungan linear yang positif yang tinggi. Maka, H_{01c} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara gaya pembelajaran visual dan verbal dengan amalan kemahiran membuat interpretasi dalam kalangan murid.

Kemahiran membuat imaginasi

Berdasarkan Jadual 3, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara gaya pembelajaran visual dan verbal [$r=0.53$, $p=0.00$] dengan amalan kemahiran membuat imaginasi adalah signifikan iaitu hubungan linear yang positif yang tinggi. Maka, H_{01d} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara gaya pembelajaran visual dan verbal dengan amalan kemahiran membuat imaginasi dalam kalangan murid.

Kemahiran membuat rasionalisasi

Berdasarkan Jadual 3, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara gaya pembelajaran visual dan verbal [$r=0.58$, $p=0.00$] dengan amalan kemahiran membuat rasionalisasi adalah signifikan iaitu hubungan linear yang positif yang tinggi. Maka, H_{01e} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara gaya pembelajaran visual dan verbal dengan amalan kemahiran membuat rasionalisasi dalam kalangan murid.

Jadual 3: Korelasi gaya pembelajaran (visual dan verbal) dengan konstruk-constructur kemahiran pemikiran sejarah

		Kemahiran Memahami kronologi	Kemahiran Meneroka bukti	Kemahiran Membuat interpretasi	Kemahiran Membuat imaginasi	Kemahiran Membuat rasionalisasi
Gaya Pembelajaran (visual / verbal)	<i>Pearson</i>	0.51	0.48	0.54	0.53	0.58
	<i>Sig</i>	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	<i>N</i>	865	865	865	865	865

**Correlation is significant at the 0.05 level*

Hubungan gaya pembelajaran aktif dan reflektif dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruknya

Bagi menjawab objektif dan soalan kajian 2, maka hipotesis nul (H_{02}) berikut dibentuk

H_{02} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya pembelajaran aktif dan reflektif dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah

H_{02a} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya pembelajaran aktif dan reflektif dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah

H_{02b} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya pembelajaran aktif dan reflektif dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah

H_{02c} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya pembelajaran aktif dan reflektif dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah

H_{02d} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya pembelajaran aktif dan reflektif dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah

H_{02c}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya pembelajaran aktif dan reflektif dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah

Berdasarkan Jadual 4, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara gaya pembelajaran aktif dan reflektif [$r=0.64$, $p=0.00$] dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah adalah signifikan iaitu hubungan linear yang positif yang tinggi. Maka, H₀₂ berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara gaya pembelajaran aktif dan reflektif dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya gaya pembelajaran aktif dan reflektif adalah tinggi, maka amalan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid juga adalah tinggi.

Jadual 4: Korelasi gaya pembelajaran (aktif dan reflektif) dengan kemahiran pemikiran sejarah

Kemahiran pemikiran sejarah		
Gaya Pembelajaran (aktif / reflektif)	<i>Pearson Correlation</i>	0.64*
	<i>Sig</i>	0.00
	N	865

*Correlation is significant at the 0.05 level

Dari segi konstruk-konstruk kemahiran pemikiran sejarah:

Kemahiran memahami kronologi

Berdasarkan Jadual 5, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara gaya pembelajaran aktif dan reflektif [$r=0.54$, $p=0.00$] dengan amalan kemahiran memahami kronologi adalah signifikan iaitu hubungan linear yang positif yang tinggi. Maka, H_{02a} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara gaya pembelajaran aktif dan reflektif dengan amalan kemahiran memahami kronologi dalam kalangan murid.

Kemahiran meneroka bukti

Berdasarkan Jadual 5, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara gaya pembelajaran aktif dan reflektif [$r=0.53$, $p=0.00$] dengan amalan kemahiran meneroka bukti adalah signifikan iaitu hubungan linear yang positif yang tinggi. Maka, H_{02b} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara gaya pembelajaran aktif dan reflektif dengan amalan kemahiran meneroka bukti dalam kalangan murid.

Kemahiran membuat interpretasi

Berdasarkan Jadual 5, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara gaya pembelajaran aktif dan reflektif [$r=0.59$, $p=0.00$] dengan amalan kemahiran membuat interpretasi adalah signifikan iaitu hubungan linear yang positif yang tinggi. Maka, H_{02c} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara gaya pembelajaran aktif dan reflektif dengan amalan kemahiran membuat interpretasi dalam kalangan murid.

Kemahiran membuat imaginasi

Berdasarkan Jadual 5, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara gaya pembelajaran visual dan verbal [$r=0.55$, $p=0.00$] dengan amalan kemahiran membuat imaginasi adalah signifikan iaitu hubungan linear yang positif yang tinggi. Maka, H_{02d} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara gaya pembelajaran aktif dan reflektif dengan amalan kemahiran membuat imaginasi dalam kalangan murid.

Kemahiran membuat rasionalisasi

Berdasarkan Jadual 5, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara gaya pembelajaran aktif dan reflektif [$r=0.62$, $p=0.00$] dengan amalan kemahiran membuat rasionalisasi adalah signifikan iaitu hubungan linear yang positif yang tinggi. Maka, H_{02e} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara gaya pembelajaran aktif dan reflektif dengan amalan kemahiran membuat rasionalisasi dalam kalangan murid.

Jadual 5: Korelasi gaya pembelajaran (aktif / reflektif) dengan konstruk-konstruk kemahiran pemikiran sejarah

		Memahami kronologi	Meneroka bukti	Membuat interpretasi	Membuat imaginasi	Membuat rasionalisasi
Gaya Pembelajaran (aktif / reflektif)	<i>Pearson</i>	0.54	0.53	0.59	0.55	0.62
	<i>Sig</i>	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	<i>N</i>	865	865	865	865	865

*Correlation is significant at the 0.05 level

Hubungan gaya pembelajaran kepekaan dan intuisi dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksya

Bagi menjawab objektif dan soalan kajian 3, maka hipotesis nul (H_{03}) berikut dibentuk

H_{03} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya pembelajaran kepekaan dan intuisi dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah

H_{03a} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya pembelajaran kepekaan dan intuisi dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah

H_{03b} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya pembelajaran kepekaan dan intuisi dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah

H_{03c} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya pembelajaran kepekaan dan intuisi dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah

H_{03d} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya pembelajaran kepekaan dan intuisi dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah

H_{03e} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya pembelajaran kepekaan dan intuisi dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah

Berdasarkan Jadual 6, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara gaya pembelajaran kepekaan dan intuisi [$r=0.43$, $p=0.00$] dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah adalah signifikan iaitu hubungan linear yang positif yang sederhana tinggi. Maka, H_{03} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara gaya pembelajaran kepekaan dan intuisi dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya gaya pembelajaran kepekaan dan intuisi adalah tinggi, maka amalan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid juga adalah tinggi.

Jadual 6: Korelasi gaya pembelajaran (kepekaan dan intuisi) dengan kemahiran pemikiran sejarah

		Kemahiran pemikiran sejarah
Gaya Pembelajaran (Kepekaan / intuisi)	<i>Pearson Correlation</i>	0.43*
	<i>Sig</i>	0.00
	<i>N</i>	865

**Correlation is significant at the 0.05 level*

Dari segi konstruk-konstruk kemahiran pemikiran sejarah:

Kemahiran memahami kronologi

Berdasarkan Jadual 7, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara gaya pembelajaran kepekaan dan intuisi [$r=0.37, p=0.00$] dengan amalan kemahiran memahami kronologi adalah signifikan iaitu hubungan linear yang positif yang sederhana tinggi. Maka, H_{03a} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara gaya pembelajaran kepekaan dan intuisi dengan amalan kemahiran memahami kronologi dalam kalangan murid.

Kemahiran meneroka bukti

Berdasarkan Jadual 7, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara gaya pembelajaran kepekaan dan intuisi [$r=0.37, p=0.00$] dengan amalan kemahiran meneroka bukti adalah signifikan iaitu hubungan linear yang positif yang sederhana tinggi. Maka, H_{01b} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara gaya pembelajaran kepekaan dan intuisi dengan amalan kemahiran meneroka bukti dalam kalangan murid.

Kemahiran membuat interpretasi

Berdasarkan Jadual 7, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara gaya pembelajaran kepekaan dan intuisi [$r=0.38, p=0.00$] dengan amalan kemahiran membuat interpretasi adalah signifikan iaitu hubungan linear yang positif yang sederhana tinggi. Maka, H_{03c} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara gaya pembelajaran kepekaan dan intuisi dengan amalan kemahiran membuat interpretasi dalam kalangan murid.

Kemahiran membuat imaginasi

Berdasarkan Jadual 7, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara gaya pembelajaran kepekaan dan intuisi [$r=0.35, p=0.00$] dengan amalan kemahiran membuat imaginasi adalah signifikan iaitu hubungan linear yang positif yang sederhana tinggi. Maka, H_{03d} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara gaya pembelajaran kepekaan dan intuisi dengan amalan kemahiran membuat imaginasi dalam kalangan murid.

Kemahiran membuat rasionalisasi

Berdasarkan Jadual 7, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara gaya pembelajaran kepekaan dan intuisi [$r=0.40, p=0.00$] dengan amalan kemahiran membuat rasionalisasi adalah signifikan iaitu hubungan linear yang positif yang sederhana tinggi. Maka, H_{03e} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara gaya pembelajaran kepekaan dan intuisi dengan amalan kemahiran membuat rasionalisasi dalam kalangan murid.

Jadual 7: Korelasi gaya pembelajaran (kepekaan dan intuisi) dengan konstruk-onstruk kemahiran pemikiran sejarah

		Memahami kronologi	Meneroka bukti	Membuat interpretasi	Membuat imaginasi	Membuat rasionalisasi
Gaya Pembelajaran (kepekaan / intuisi)	<i>Pearson</i>	0.37	0.37	0.38	0.35	0.40
	<i>Sig</i>	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	<i>N</i>	865	865	865	865	865

*Correlation is significant at the 0.05 level

Hubungan gaya pembelajaran sequential dan global dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksya

Bagi menjawab objektif dan soalan kajian 4, maka hipotesis nul (H_{04}) berikut dibentuk

H_{04} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya pembelajaran sequential dan global dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah

H_{04a} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya pembelajaran sequential dan global dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah

H_{04b} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya sequential dan global dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah

H_{04c} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya pembelajaran sequential dan global dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah

H_{04d} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya pembelajaran sequential dan global dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah

H_{04e} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min gaya pembelajaran sequential dan global dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah

Berdasarkan Jadual 8, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara gaya pembelajaran sequential dan global [$r=0.29, p=0.00$] dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah adalah signifikan iaitu hubungan linear yang positif yang rendah. Maka, H_{04} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara gaya pembelajaran sequential dan global dengan amalan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid. Perkara ini menerangkan bahawa sekiranya gaya pembelajaran sequential dan global adalah tinggi, maka amalan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid juga adalah tinggi.

Jadual 8: Korelasi gaya pembelajaran (sequential / global) dengan kemahiran pemikiran sejarah

		Kemahiran pemikiran sejarah
Gaya Pembelajaran (Sequential /global)	<i>Pearson</i>	0.29*
	<i>Correlation</i>	0.00
	<i>Sig</i>	865
	<i>N</i>	

*Correlation is significant at the 0.05 level

Dari segi konstruk-konstruk kemahiran pemikiran sejarah:

Kemahiran memahami kronologi

Berdasarkan Jadual 9, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara gaya pembelajaran sequential dan global [$r=0.23, p=0.00$] dengan amalan kemahiran memahami kronologi adalah signifikan iaitu hubungan linear yang positif yang rendah. Maka, H_{04a} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara gaya pembelajaran sequential dan global dengan amalan kemahiran memahami kronologi dalam kalangan murid.

Kemahiran meneroka bukti

Berdasarkan Jadual 8, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara gaya pembelajaran sequential dan global [$r=0.28, p=0.00$] dengan amalan kemahiran meneroka bukti adalah signifikan iaitu hubungan linear yang positif yang rendah. Maka, H_{04b} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara gaya pembelajaran sequential dan global dengan amalan kemahiran meneroka bukti dalam kalangan murid.

Kemahiran membuat interpretasi

Berdasarkan Jadual 8, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara gaya pembelajaran sequential dan global [$r=0.22, p=0.00$] dengan amalan kemahiran membuat interpretasi adalah signifikan iaitu hubungan linear yang positif yang rendah. Maka, H_{04c} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara gaya pembelajaran sequential dan global dengan amalan kemahiran membuat interpretasi dalam kalangan murid.

Kemahiran membuat imaginasi

Berdasarkan Jadual 8, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara gaya pembelajaran sequential dan global [$r=0.31, p=0.00$] dengan amalan kemahiran membuat imaginasi adalah signifikan iaitu hubungan linear yang positif yang sederhana tinggi. Maka, H_{04d} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara gaya pembelajaran sequential dan global dengan amalan kemahiran membuat imaginasi dalam kalangan murid.

Kemahiran membuat rasionalisasi

Berdasarkan Jadual 8, hasil dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai koefisien korelasi *Pearson* antara gaya pembelajaran visual dan verbal [$r=0.24, p=0.00$] dengan amalan kemahiran membuat rasionalisasi adalah signifikan iaitu hubungan linear yang positif yang rendah. Maka, H_{04e} berjaya ditolak. Justeru, terdapat hubungan antara gaya pembelajaran sequential dan global dengan amalan kemahiran membuat rasionalisasi dalam kalangan murid.

Jadual 9: Korelasi gaya pembelajaran (sequential / global) dengan konstruk-konstruk kemahiran pemikiran sejarah

		Memahami kronologi	Meneroka bukti	Membuat interpretasi	Membuat imaginasi	Membuat rasionalisasi
Gaya Pembelajaran (Sequential / global)	<i>Pearson</i>	0.23	0.28	0.22	0.31	0.24
	<i>Sig</i>	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	N	865	865	865	865	865

*Correlation is significant at the 0.05 level

Perbincangan Kajian

Dapatan kajian ini yang menunjukkan terdapat hubungan linear positif yang tinggi secara signifikan antara gaya pembelajaran murid iaitu antara gaya visual dan verbal, antara gaya aktif dan reflektif, hubungan linear positif yang sederhana tinggi secara signifikan antara gaya kepekaan dan intuisi dan hubungan linear positif yang rendah secara signifikan antara gaya sequential dan global terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksinya dalam kalangan murid adalah konsisten dengan dapatan kajian Rully Putri Nirmala Puji dan Abdul Razaq Ahmad, (2015) yang mendapati bahawa gaya pembelajaran *Judging* merupakan gaya pembelajaran yang utama diamalkan oleh kebanyakan guru pelatih dalam jurusan pendidikan sejarah di universiti Malaysia dan Inodonesia berbanding dengan gaya *introvert, ekstrovert, intuition, sensing, thinking, feeling, dan perceiving* berdasarkan gaya belajar *Myers Briggs Type Indicator*. Hal ini kerana setiap jenis gaya pembelajaran memberikan impak yang berbeza kepada amalan kemahiran pemikiran sejarah yang melibatkan ciri-ciri personaliti seseorang individu. Sungguhpun begitu, dapatan kajian Ali, (2012), kajian Fatima, Samar, Sara, Alaa dan Nedhal, (2018) serta kajian Yalcin, (2017) yang telah mendapati bahawa kepelbagaian gaya pembelajaran murid didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemahiran berfikir kritis dalam kalangan murid telah menyokong dapatan kajian ini yang merumuskan bahawa gaya pembelajaran murid didapati menentukan peningkatan atau penguasaan kemahiran berfikir yang membolehkan mereka dapat mengoperasikan proses kognitif mental untuk memperolehi suatu penyelesaian, maklumat atau idea yang matang terhadap sesuatu isu atau perkara yang ditimbulkan (Noriati A Rashid, Boon, & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad, 2009).

Tambahan pula, amalan kemahiran pemikiran sejarah serta konstruksinya yang berbeza-beza yang dipamerkan oleh murid berdasarkan gaya pembelajaran atau ciri kebolehan tertentu adalah konsisten dengan dapatan kajian Kaviza, (2019) dan Nokes, (2017) yang mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah serta penulisan penghujahan sejarah berdasarkan ciri murid berbeza tahap pencapaian iaitu murid berpencapaian tinggi telah mempamerkan penguasaan pemikiran yang lebih baik berbanding dengan murid berpencapaian rendah, di samping dalam kajian Henriquez dan Ruiz, (2014) yang telah melaporkan bahawa kebolehan murid yang berumur antara 12 hingga 17 tahun membuat interpretasi sejarah dari segi *agency, cause-effect* dan *sourcing* adalah berbeza-beza telah menyokong dapatan kajian ini secara langsung. Walaubagaimanapun, dapatan kajian yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran dan kemahiran pemikiran sejarah serta kelima-lima konstruksinya dalam kajian ini adalah bertentangan dengan dapatan kajian Ling et al, (2016) yang telah melaporkan bahawa gaya sequential dan global tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan kefahaman penaakulan dalam kalangan murid kecuali dari aspek memahami kronologi masa sahaja. Selain itu, dapatan kajian Yee, Tee, Mimi Mohaffyza Mohamed, Jailani Md Yunus dan Widad Othman, (2017) juga telah melaporkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran Kolb dengan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan pelajar politeknik adalah bertentangan dengan dapatan dalam kajian ini. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa gaya pembelajaran dapat membantu murid-murid untuk menerima maklumat dan memahaminya dengan lebih baik serta memproses sesuatu maklumat dengan lebih pantas walaupun ianya merupakan salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh guru-guru sejarah untuk mempelbagaikan strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran serta merancang variasi penyampaian di dalam kelas seperti yang diutarakan oleh Tileston, (2004) dalam bukunya.

Kesimpulan

Kesimpulannya, gaya pembelajaran murid perlu diberi perhatian yang khusus dan spesifik kerana ianya didapati mempengaruhi penerapan amalan kemahiran pemikiran sejarah secara langsung. Hal ini kerana kepelbagaian perbezaan individu dalam gaya pembelajaran dapat menentukan keupayaan mereka untuk memperolehi ilmu, pengetahuan dan kemahiran yang telah memberikan implikasi kepada guru-guru untuk membuat persediaan dan perancangan rapi bagi memastikan murid-murid sentiasa bersedia, berminat dan berfokus semasa mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di dalam kelas. Oleh itu, gaya pembelajaran murid perlu ditentukan terlebih dahulu agar

ianya selari dengan matlamat pembelajaran bagi memudahkan murid-murid menerima dan mengaplikasi kemahiran-kemahiran yang dipelajari dengan lebih berkesan selaras dengan perkembangan strategi pembelajaran abad ke-21 yang memberi penekanan kepada elemen kemahiran berfikir kritis, kolaborasi, komunikasi, kreativiti dan sebagainya.

Rujukan

- Ali, A. (2012). A study on the relationship of thinking styles of students their critical thinking skills. *Procedia Social and Behavioral sciences*, 47, 1719-1723.
- Bransford, J., Brown, A & Cocking, R. (1999). *How people learn: Brain, Mind, Experience and School*. Retrieved from: <https://stills.nap.edu/html/howpeopleq/>
- Davies, J. A. (1971). *Elementary Survey Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Fatima, A., Samar, A., Sara, A., Alla, A., & Nedhal, A. (2018). A Systematic review: The relationship between learning style and creative thinking skills. *English Language and Literature Studies*, 8(1), 34-44.
- Felder, R. M. & Silverman, L. K. (1988). Learning Styles and Teaching Styles in Engineering Education. *Engineering. Education*, 78, 674-681.
- Felder, R. M., & Soloman, B. A. (1997). *Index of learning styles questionnaire*. Retrieved from <http://www.engr.ncsu.edu/learningstyles/ilsweb.html>
- Henriquez, R., & Ruiz, M. (2014). Chilean students learn to think historically: Construction of historical causation through the use of evidence in writing. *Linguistics and Education*, 25, 145-157.
- Gagne, R. (1985). *Conditions of Learning*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Izhab Ismail & Muhamad Zaid Ismail. (2018). *Hubungan kemahiran pemikiran sejarah dengan amalan guru dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah*. Prosiding seminar kebangsaan Majlis dekan Pendidikan Universiti Awam 2018. Retrieved from: <http://www.unisza.edu.my/medc.2018>
- Kaviza, M. (2019). Persepsi terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid berprestasi tinggi dan rendah. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 6(1), 144-156.
- Keffe, J. (1987). *Learning style Theory and practice*. Reston: National Association of Secondary Scholls Principals.
- Khairul Ghufuran Kaspin, Mansor Mohd Noor, & Mohd Mahzan Awang. (2018). Perspektif Pelajar Terhadap Kurikulum Sejarah Peringkat Menengah di Malaysia. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 9, 31-42.
- King, L.A. (2008). *The Science of Psychology: An appreciative View*. New York: Mc-Graw Hill.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Krejcie, V.R., & Morgan, W.D. (1970). *Determining Sampel Size for Research Activities, Educational and Psychological Measurement*. Duluth: University of Minnesota.
- Ling, W.A., & Mona Masood., & Siti Hawa Abdullah. (2016). Analysing the Relationship of Sequential and Global Learning Styles on students' historical thinking and understanding: A case study on Form Four Secondary school students in Malaysia. *International Journal of Assessment and Evaluation in Education*, 6, 51-58.
- Muhamad Yazid Khalil. (2018). *Tahap Pengetahuan Guru Sejarah Sekolah Rendah Dalam Kemahiran Pemikiran Sejarah*. Prosiding National Innovation and Invention Competition through Exhibition, 1-12.
- Nokes, J.D. (2017). Exploring patterns of historical thinking through eight-grade students argumentative writing. *Journal of writing research*, 8(3), 437-467.
- Noriati A. Rashid, Boon, P.Y., & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2009). *Murid dan Alam Belajar*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd
- Nunnally, J.C. (1978). *Psychometrie Theory* (2nd Ed). New York: McGraw Hill.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2016). *Dokumen Standard dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Dua*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Ramlah Jantan. (2006). *Hubungan antara kemahiran berfikir kritis dan pencapaian akademik pelajar-pelajar UPSI*. Dalam Menanggapi Keberkesanan dan Perubahan. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 1-12.
- Renuka Ramakrishnan, Norizan Esa, & Siti Hawa Abdullah. (2014). *Kesan Penggunaan Sumber Digital Sejarah Terhadap Amalan Pemikiran Sejarah*. Kertas kerja yang dibentangkan di 23rd International Conference of Historians of Asia 2014 (IAHA 2014), 23-27 Ogos 2014, Alor Setar, Kedah, Malaysia.
- Rully Putri Nirmala Puji, & Abdul Razaq Ahmad. (2015). Gaya Belajar dan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam pembelajaran Sejarah di Peingkat Universitas. *Edusentris, Jurnal Ilmu Pendidikan dan Pengajaran*, 2(3), 253-263.
- Sharifah NorPuteh, Nooreiny Maarul, & Elisabeth Tak. (2010). Students' Perception of the Teaching of Historical Thinking Skills. *Pertanika Journal Social Science & Humanities*, 18(S), 87-95.
- Siti Hawa Abdullah. (2009). Takrif dan ciri-ciri Pemikiran Sejarah. *Pendidikan Sejarah*, 9(1), 98-106
- Suppiah Nachiappan, Kamarulzaman Kamaruddin, Abdul Aziz Abdul Shukor, Ramlah Jantan, Roslinda Mustapha & Hazalifah Hamzah. (2009). *Pembelajaran dan Perkembangan Pelajar*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Tileston, D.W. (2004). *Learning, Memory and the Brain: what every teacher should know about*. California: Corwin Press.
- Wineburg, S. (2001). Historical thinking and other unnatural acts: Charting the future of teaching the past. Philadelphia: Temple University Press.
- Yalcin, D. (2017). The relationship between critical thinking skills and learning styles of gifted students. *European Journal of Education Studies*, 3(4), 69-96.
- Yee, M.H., Tee, T.K., Mimi Mohaffyza Mohamed, Jailani Md Yunus & Widad Othman. (2017). The difference between polytechnic students learning styles and their higher order thinking skills level. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities*, 25(S), 233-246.
- Yusfazila Mohd Yusof & Effandi Zakaria. (2018). *Hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian matematik pelajar sekolah rendah*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.